



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**1 Disember 2021  
26 Rabiulakhir 1443h**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>• Buang sangkar hapus bukti</li></ul>
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Harian Metro | Rabu 01.12.2021 @hmetrony | HarianMetro | @hmetrony | www.hmetro.com.my 11

**lokal**

# Buang sangkar hapus bukti

APMM tahan tujuh nelayan selepas didapati melakukan aktiviti penangkapan siput retak seribu

Oleh Aizat Sharif am@hmetro.com.my

**Kangar**

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis menahan tujuh nelayan selepas didapati melakukan aktiviti penangkapan siput jenis retak seribu di sekitar perairan Kuala Perlis, di sini, kelmarin.

Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Shafie Paing berkata, nelayan itu ditahan antara jam 5:30 petang hingga 5:45 petang di kedudukan 2.5 batu nautika barat daya Kuala Perlis.

"Hasil maklumat orang awam, anggota APMM rutin melakukan rondaan di Op Aman mengesan tiga bot gantian kaca tanpa nombor pendaftaran, berada dalam keadaan mencurigakan di sekitar perairan Kuala Perlis.

"Anggota menahan bot



PENANGKAPAN siput di perairan Kuala Perlis adalah satu kesalahan kerana Jabatan Perikanan Negeri Perlis tidak pernah mengeluarkan sebarang lesen bagi aktiviti berkenaan.

berpangkalan di Kuala Perlis itu dan memeriksa tiga tekong serta empat kru bot berusia antara 22 hingga 66 tahun," katanya.

Beliau berkata, pihaknya merampas satu set sangkar besi berupa tangkuk siput dianggarkan bernilai RM500 serta hasil laut siput retak seribu seberat 550 kilogram.

Menurutnya, mereka disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985, Seksyen 8 (a) kerana mengendalikan bot tanpa lesen sah.

Katanya, selain itu, mereka didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 11 (3) (c) kerana memasang atau menyebabkan dipasang apa-apa belat ikan, peralatan menangkap ikan atau peranti mengumpul ikan tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia sebelum suatu lesen berkenaan dengannya dikeluarkan.

"Berdasarkan siasatan awal, modus operandi nelayan terbahil kegiatan penangkapan siput retak seribu adalah menggunakan bot fiber dengan enjin sangkut bergalah atau dipanggil enjin ekor blawak.

"Malah, kami mendapati, kru dua bot itu membuang sangkar besi berupa tangkuk siput itu ke dalam laut bagi menghapuskan bukti terhadap kegiatan dilakukan mereka.

"Aktiviti penangkapan siput di perairan Kuala Perlis adalah satu kesalahan kerana Jabatan Perikanan Negeri Perlis tidak pernah me-

ngeluarkan sebarang lesen bagi aktiviti berkenaan," katanya.

Beliau berkata, aktiviti itu boleh menyebabkan habitat ekosistem marin terjejas dalam jangka masa panjang, mengancam pembiakan, memusnahkan benih ikan di dasar laut serta turut menjejaskan sumber pendapatan nelayan pesisir pantai.

Menurutnya, lesen atau permit untuk aktiviti itu hanya dikeluarkan di Kedah bukannya di Perlis dan nelayan negeri itu hanya dibenarkan menjalankan aktiviti berkenaan di perairan di negeri itu sahaja.

"Benteng aktiviti haram itu, nelayan pesisir pantai di Perlis terpaksa menanggung kerugian apabila pukat mereka rosak dan koyak kerana tersangkut dengan kulit siput mati.

"Anggaran keseluruhan rampasan termasuk tiga bot, enjin, sangkar besi dan siput retak seribu adalah sekitar RM22,850," katanya.